

Lelaki disyaki bunuh bapa saudara direman tujuh hari

MIRI: Seorang lelaki tempatan diberkas polis di sebuah rumah di Tudan, di sini petang kelmarin untuk membantu siasatan kes penemuan mayat seorang lelaki di tebing tasik di Senadin yang disyaki dibunuh.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata, suspek yang berusia dalam lingkungan 30-an yang juga anak saudara mangsa, ditangkap pada kira-kira jam 2 petang oleh sepasukan pegawai dan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri.

“Hasil siasatan awal mendapati motif pembunuhan adalah kerana perselisihan faham di antara ahli keluarga, iaitu tidak puas hati kerana isu dalaman ahli keluarga mereka.

“Hubungan di antara si mati dan suspek adalah bapa saudara dan anak saudara.



SELIDIK: Alexson (kanan) bersama pegawai melakukan siasatan di salah satu lokasi yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes bunuh tersebut.

“Sehubungan itu, kes ini diklasifikasikan dan disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Sementara itu, suspek yang dibawa ke Mahkamah Majistret

Miri semalam telah diperintahkan supaya direman tujuh hari sehingga 25 April ini mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Terdahulu, Alexson berkata polis menerima panggilan daripada orang awam pada jam 9.03 pagi Rabu yang memaklumkan mengenai penemuan seorang lelaki tidak sedarkan diri di tebing tasik berkenaan.

“Ekoran itu, sepasukan polis dari IPD Miri bergegas ke tempat kejadian dan mangsa dijumpai dalam keadaan tertungkup di kawasan tebing tasik dan telah dibawa ke darat.

“Mangsa hanya berseluar dalam dan terdapat seluar

pendek yang tersangkut pada pergelangan kaki.

“Pemeriksaan ke atas tubuh badan mangsa mendapati terdapat enam kesan kecederaan di kepala disyaki berpunca dari tetakan objek tajam, dua kesan tetakan pada tapak tangan kanan, satu kesan tetakan pada bahagian belakang badan dan satu kesan tetakan pada lutut kiri,” ujarnya.

Menurut Alexson, mangsa yang berusia 57 tahun itu disahkan meninggal dunia di tempat kejadian dan mayat mangsa dibawa ke Hospital Miri untuk

tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Alexson menasihati orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes tersebut kerana ia akan mengganggu siasatan.

“Individu yang mempunyai sebarang maklumat lanjut berkaitan kes ini diminta untuk tampil ke balai polis berhampiran untuk membantu siasatan atau menghubungi ASP Anuar Affendi menerusi talian 019-7319540 atau 085-433730 untuk menyalurkan maklumat berkaitan,” ujarnya.